

KOSMO

31 Disember 2013

Langkah drastik Perdana Menteri bagi kurangkan perbelanjaan sektor awam

Sektor awam diarah berjimat

Oleh ZULKIFLI MANZOR
zulkfli.manzor@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan 11 langkah yang akan dilaksanakan kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari ini.

Berikut adalah kenyataan penuh Najib:

Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari 2014.

Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan lebih berhemat pada tahun depan.

Langkah-langkah penjimatan yang lain untuk sektor awam akan diperkenalkan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan keadaan semasa.

Keputusan ini telah dibuat setelah berunding dengan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa.

Sebelas langkah tersebut adalah seperti berikut:

- Elaun keraihan Menteri dan Timbalan Menteri akan diturunkan sebanyak 10 peratus. Elaun keraihan pegawai kanan kerajaan gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) C ke atas akan dikurangkan sebanyak 5-10 peratus.

- Pengurangan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik di kesemua kementerian, jabatan, agensi dan premis kerajaan.

- Kemudahan bayaran tol bagi JUSA C ke atas dikurangkan RM50 hingga



LEBIH 1.4 juta kakitangan sektor awam perlu bekerjasama mengurangkan perbelanjaan di pejabat masing-masing.

RM100 atau 30 peratus.

- Permohonan baru bagi pengubahsuaian ruang pejabat kementerian, jabatan, agensi dan premis kerajaan dibelokkan.

- Mengetatkan pelantikan juruperunding untuk projek fizikal kerajaan termasuk dalam menjalankan kajian kebolehlaksanaan di mana cadangan pelantikan hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk kelulusan.

- Mengurangkan penggunaan syarikat pengurusan acara, pemberian suguhati atau cenderamata dalam penganjuran persidangan dan majlis kerajaan yang membabitkan penjawat awam.

- Pindaan terhadap kelayakan tiket penerbangan domestik serta antarabangsa bagi penjawat awam. Sebagai contoh,

kelayakan penerbangan sektor domestik bagi penjawat gred JUSA C ke bawah ialah Kelas Ekonomi.

- Mengurangkan perediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau sebarang acara rasmi kerajaan.

- Mengurangkan penggunaan kain permidang bagi penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau sebarang acara rasmi kerajaan.

- Mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis pejabat; dan

- Mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan mengoptimumkan penggunaan sepenuhnya Pusat Latihan IMalaysia (IMTC) dan juga kemudahan institusi latihan milik kerajaan bagi penganjuran kursus, seminar serta bengkel.

INFO Antara perbelanjaan dikurangkan

- Elaun keraihan Menteri Kabinet RM12,320 dikurangkan 10 peratus menjadi RM11,088 sebulan
- Elaun keraihan Timbalan Menteri RM6,000 dikurangkan 10 peratus menjadi RM5,400
- Kemudahan bayaran tol pegawai kanan kerajaan dikurangkan RM50 hingga RM100 atau 30 peratus

Mampu kurangkan defisit dan hutang negara

KUALA LUMPUR - Dua timbalan menteri menyifatkan pengurangan elaun keraihan menteri dan timbalan menteri sebanyak 10 peratus dan pelbagai lagi pengurangan perbelanjaan bermula tahun depan sedikit sebanyak mampu membantu kerajaan mengurangkan defisit dan hutang negara.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, kerajaan bersedia untuk melakukannya kerana ia adalah kaedah utama bagi kerajaan menambahkan pendapatan selain melakukan penjimatan dalam perbelanjaan.



AHMAD MASLAN



KAMALANATHAN

"Kita bersedia untuk membuat perubahan sebagai salah satu bukti keprihatinan kerajaan dalam usaha menangani masalah rakyat.

"Jika kos hidup meningkat kita berharap rakyat berjimat, maka jika tidak mahu defisit meningkat, kerajaan juga harus berjimat dalam perbelanjaan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Timbalan Menteri Pelajaran II, P. Kamalanathan turut menyifatkan langkah tersebut adalah wajar dan semua pihak perlu membuat pengorbanan.

Katanya, ia juga selari dengan hasrat kerajaan mahu mengurangkan subsidi dan memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dalam membantu mengukuhkan kewangan negara.